



**LEMBAGA PENAPIS FILEM  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

---

**PEKELILING LPF BIL. 2/2021**

**PENETAPAN SYARAT NAMA PRODUK INDUK DIMASUKKAN DALAM TAJUK  
FILEM DAN PITA IKLAN SERTA PENYERAGAMAN FORMAT PAPAN CERITA  
UNTUK TUJUAN PENAPISAN FILEM OLEH LEMBAGA PENAPIS FILEM**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan penetapan syarat supaya **setiap permohonan penapisan filem dan pita iklan yang dikemukakan kepada Lembaga Penapis Filem (LPF) mengandungi nama produk induk dalam tajuk filem dan pita iklan tersebut serta format papan cerita yang standard.** Tujuan ketetapan ini dibuat ialah untuk menyelaraskan, menyeragamkan serta memperkemas rekod penapisan filem dan pita iklan.

**LATAR BELAKANG**

2. Pada masa kini terdapat permohonan penapisan filem dan pita iklan yang dikemukakan untuk kelulusan LPF mengandungi tajuk bagi beberapa produk yang sama atau hampir sama, misalnya tajuk 'HARI RAYA' digunakan oleh pelbagai syarikat apabila mengiklankan produk ketika musim hari raya. Pemilihan tajuk yang tidak menggambarkan produk induk yang hendak diiklankan boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan penerbit/pengedar filem dan pita iklan serta turut menjejaskan proses penapisan oleh LPF ketika membuat rujukan ke atas filem dan pita iklan dengan tajuk yang sama pernah diluluskan.

3. Selain itu, papan cerita yang dikemukakan dalam permohonan penapisan filem dan pita iklan juga didapati dalam pelbagai format yang tidak selaras dan tidak seragam. Perkara ini sering kali menjadi isu dan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pihak penerbit/pengedar filem dan pita iklan serta anggota LPF.

## ARAHAN

4. Pengurusan LPF telah menetapkan syarat-syarat baharu dalam pengemukakan permohonan penapisan filem dan pita iklan seperti berikut:

4.1 **Nama produk induk bagi filem dan pita iklan hendaklah dimasukkan dalam tajuk iklan yang dikemukakan untuk penapisan.**

Tajuk iklan hendaklah merangkumi **nama produk induk** bagi barangan yang diiklankan, bukan nama produk yang diiklankan. Contoh tajuk iklan yang boleh dikemukakan adalah seperti berikut:

4.1.1 Filem atau pita iklan yang mempromosikan produk 'X' sempena hari perayaan:

- i. HARI RAYA AIDILFITRI (PRODUK X) 20 SAAT
- ii. TAHUN BARU CINA (PRODUK X) 20 SAAT
- iii. PERAYAAN DEEPAVALI (PRODUK X) 20 SAAT

4.1.2 Filem atau pita iklan yang mempromosikan produk 'Y' yang ingin menggunakan sesuatu tema sebagai tajuk:

- i. PERFECT FOR EVERY MOOD (PRODUK Y) 30 SAAT
- ii. JUALAN ULANG TAHUN (PRODUK Y) 30 SAAT
- iii. PELANCARAN PRODUK BAHARU (PRODUK Y) 30 SAAT

4.1.3 Filem atau pita iklan yang mempromosikan produk makanan 'Z' – jenama produk induk hendaklah dinyatakan dalam tajuk iklan:

- i. MADU (JENAMA Z) 15 SAAT
- ii. JUS OREN (JENAMA Z) 15 SAAT
- iii. BISKUT (JENAMA Z) 15 SAAT

4.2 **Papan cerita dengan format yang standard hendaklah dikemukakan kepada LPF** untuk tujuan penapisan filem dan pita iklan sebagaimana format yang disertakan seperti di **LAMPIRAN A**.

5. Pematuhan syarat-syarat yang tersebut di perenggan 4 adalah **mandatori**. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab semua penerbit/pengedar filem dan pita iklan untuk memastikan pematuhan syarat yang telah ditetapkan semasa mengemukakan permohonan penapisan filem dan pita iklan untuk kelulusan LPF. Permohonan penapisan filem dan pita iklan yang tidak mematuhi syarat-syarat tersebut akan diarahkan untuk dipinda atau ditolak oleh LPF.

## **PENUTUP**

6. Dengan berkuat kuasa pekeling ini, diharapkan agar sebarang kekeliruan maklumat yang timbul di pihak penerbit/pengedar filem dapat dielakkan. Rekod permohonan penapisan filem dan pita iklan juga akan dapat ditambah baik menjadi lebih selaras serta memudahkan rujukan kepada semua anggota LPF. Selanjutnya, penyampaian perkhidmatan LPF dapat ditingkatkan dalam memudahcara urusan penapisan filem dan pita iklan di Malaysia.

## **TARIKH KUAT KUASA**


7. Pekeling ini berkuat kuasa mulai **15 Oktober 2021**.

## **PEMBATALAN**

8. Dengan berkuat kuasa pekeling ini, Pekeling LPF Bil. 1/2011 adalah dibatalkan.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**DATO' AZIZAN BIN ARIFFIN**  
**PENGERUSI**  
**LEMBAGA PENAPIS FILEM**  
**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
**PUTRAJAYA**

**30** September 2021

**Semua Penerbit/Pengedar Filem**

**Semua Anggota LPF**

**Semua Urus Setia LPF**

**FORMAT PAPAN CERITA (*STORY BOARD*)**

**Maklumat Yang Perlu Disertakan Pada Muka Hadapan Papan Cerita:**

Tarikh:

Jenis Iklan:

Tajuk Iklan:

Negara Asal:

Durasi Iklan:

No. Sijil FINAS (Import / Tempatan):

Bahasa:

Sari kata:

Bilangan Muka Surat Papan Cerita:

*Supers*:

Pengedar/*Production House*:

Pemilik Iklan (*client*):

Tujuan Promosi:

(*Jika Jenis Iklan yang dikemukakan ialah 'Lain-lain Perkhidmatan'*)

**\* CATATAN:**

1. Nama produk induk hendaklah dimasukkan dalam tajuk iklan yang dikemukakan untuk penapisan selaras dengan perenggan 4, Pekeliling LPF Bil. 2/2021.
2. Kod masa (*time code*) perlu disediakan pada setiap paparan di papan cerita.
3. Bagi iklan bukan dalam Bahasa Melayu, skrip lengkap dengan *voice over* (VO) dan *supers* dalam Bahasa Melayu berserta bahasa yang digunakan dalam iklan hendaklah disertakan (dimuat naik) dalam permohonan.
4. Jika tiada sari kata atau *supers* disediakan, ruangan ini hendaklah diisi sebagai 'tiada'. Bagaimanapun ruangan *supers* wajib dilengkapkan bagi iklan muzikal.
5. Muka surat perlu dipaparkan jika papan cerita yang disertakan melebihi satu (1) muka surat.